

BAB 4 PENYATA KEWANGAN PERNIAGAAN

Perniagaan Tingkatan 5 KSSM

Oleh Cikgu Norazila Khalid

Smk Ulu Tiram,Johor



Penyata kewangan



- ▶ Penyata kewangan merupakan rekod kewangan yang melibatkan penyata pendapatan, kunci kira-kira dan penyata aliran tunai

DEFINISI PENYATA KEWANGAN



DEFINISI PENYATA KEWANGAN

- ▶ kewangan merupakan satu bentuk laporan yang menunjukkan kedudukan kewangan sesebuah perniagaan bagi suatu tempoh tertentu.
- ▶ Laporan kewangan ini mengandungi maklumat keuntungan atau kerugian perniagaan serta kedudukan nilai aset, liabiliti dan ekuiti sesebuah perniagaan.





Penyata Pendapatan

- ▶ **Penyata pendapatan terdiri daripada akaun perdagangan dan akaun untung rugi.**
- ▶ **Akaun perdagangan mengandungi jualan bersih dan kos jualan, manakala akaun untung rugi mengandungi hasil dan belanja.**

Kunci Kira-kira

- ▶ **Penyata Kunci Kira-kira merupakan penyata kedudukan kewangan yang menunjukkan harta dan hutang perniagaan.**
- ▶ **Penyata Kunci Kira-kira mengandungi butiran tentang aset (aset bukan semasa dan aset semasa), liabiliti (liabiliti semasa dan liabiliti bukan semasa) dan ekuiti pemilik perniagaan.**



Penyata Aliran Tunai



- ▶ Penyata yang menunjukkan punca perolehan dan penggunaan dana/tunai bagi suatu tempoh tertentu.
- ▶ Penyata aliran tunai melaporkan kegiatan aliran tunai perniagaan, khususnya kegiatan operasi, pelaburan dan kewangan.
- ▶ Penyata ini menunjukkan keupayaan perniagaan untuk menjelaskan liabiliti semasa seperti bayaran kepada pembekal dan gaji pekerja dalam perniagaan.

BUTIRAN DALAM PENYATA KEWANGAN



Contoh Penyata Pendapatan

XYZ Enterprise		
Penyata Pendapatan (Akaun Perdagangan dan Untung Rugi)		
bagi tahun berakhir pada 31 Disember 2016		
	RM	RM
	RM	RM
Jualan		210,000
Tolak: Pulangan Jualan		8,000
		<hr/>
Jualan Bersih		202,000
Tolak: Kos Jualan		
Inventori awal		50,000
Belian	110,000	
Tolak: Pulangan Belian	3,000	
		<hr/>
Belian Bersih	107,000	
Tambah: Angkutan Masuk	2,600	
Upah atas Belian	5,000	
Insuran atas Belian	3,000	
Duti Import	6,400	
		<hr/>
Kos Belian	124,000	
Kos Barang untuk Dijual		174,000
Tolak: Inventori Akhir		59,000
		<hr/>
Untung Kasar	115,000	
Tambah: Hasil		87,000
Komisen Diterima		6,300
Faedah Simpanan		2,250
		<hr/>
Tolak: Belanja	95,550	
Sewa	9,000	
Insuran	2,100	
Gaji	10,500	
		<hr/>
Untung Bersih	21,600	
		<hr/>
	73,950	<hr/> <hr/>

Jualan Bersih

- ▶ **Jualan bersih adalah jumlah jualan barang dan perkhidmatan ditolak dengan pulangan jualan.**
- ▶ **Pulangan jualan merujuk kepada barang dan perkhidmatan yang dipulang kembali oleh pengguna kepada perniagaan dalam sesuatu masa.**
- ▶ **Jualan bersih = Jualan – Pulangan jualan**

Kos Jualan



- ▶ Kos jualan merupakan kos dan belanja untuk membeli barang niaga.
- ▶ Contohnya inventori, belian, pulangan belian dan angkutan masuk.



Belian Bersih

- ▶ Merupakan jumlah perbezaan antara jumlah belian dengan pulangan belian.
- ▶ Pulangan belian adalah barang yang dipulangkan kembali kepada pembekal.
- ▶ Belian bersih = Belian – Pulangan belian

Kos Belian



- ▶ Merupakan jumlah kos barang yang dibeli (belian) setelah ditolak dengan pulangan belian dan ditambahkan dengan belanja atas belian yang melibatkan angkutan masuk, upah atas belian, insurans atas belian dan duti import.
- ▶ $\text{Kos belian} = \text{Belian} - \text{Pulangan belian} + \text{Belanja atas belian}$

Belanja

- ▶ Belanja merupakan kos yang dibayar dalam perniagaan.
- ▶ Contohnya bayaran insurans, gaji dan sewa bangunan.



Untung Kasar

- ▶ Merupakan jumlah untung yang diperoleh selepas mengambil kira belanja dan hasil yang berkaitan dengan aktiviti utama perniagaan.
- ▶ **Untung kasar = Jualan bersih – Kos jualan**

Untung Bersih

- ▶ Jumlah pendapatan (hasil) melebihi jumlah perbelanjaan (kos) dalam sesuatu tempoh perakaunan.
- ▶ Untung bersih = Untung kasar + Hasil – Belian



Contoh Penyata Kedudukan Kewangan (Kunci Kira- kira).

XYZ Enterprise
Kunci Kira-kira pada 31 Disember 2016

	RM	RM
ASET		
Aset Bukan Semasa		
Kenderaan	90,000	
Perabot	<u>12,000</u>	
		102,000
Aset Semasa		
Inventori Akhir	59,000	
Akaun Belum Terima/Penghutang	8,900	
Tunai	<u>55,000</u>	
		122,900
		<u><u>224,900</u></u>
EKUITI PEMILIK		
Modal Awal	50,000	
Tambah: Untung Bersih	<u>73,950</u>	
		123,950
Tolak: Ambilan	<u>1,000</u>	
Modal akhir	122,950	
LIABILITI		
Liabiliti Bukan Semasa		
Pinjaman bank	90,000	
Liabiliti Semasa		
Akaun Belum Bayar/Pembiutang	<u>11,950</u>	
		<u><u>224,900</u></u>

Aset Bukan Semasa



- ▶ Aset perniagaan yang mempunyai tempoh hayat penggunaan melebihi setahun kewangan dan tahap kecairannya rendah.
- ▶ Contoh: Kenderaan, mesin dan kelengkapan pejabat.

Aset Semasa

- ▶ Aset perniagaan yang bersifat tidak tahan lama dan mempunyai tempoh penggunaan kurang daripada setahun.
- ▶ Aset semasa juga mempunyai tahap kecairan yang tinggi.
- ▶ Contoh: Inventori, tunai di tangan, deposit semasa dan akaun belum terima.



Ekuiti Pemilik



- ▶ Modal yang dilaburkan untuk memulakan perniagaan.
- ▶ Contoh: Modal permulaan.

Liabiliti Semasa

- ▶ Liabiliti semasa bersifat hutang perniagaan jangka pendek.
- ▶ Contoh: Akaun belum bayar dan overdraf bank.



Liabiliti Bukan Semasa



- ▶ **Hutang perniagaan jangka panjang yang memerlukan tempoh melebihi satu tahun kewangan untuk menjelaskannya.**
- ▶ **Contoh: Pinjaman bank, gadai janji dan pinjaman kerajaan.**

Ambilan

- ▶ Bermaksud pemilik mengambil aset perniagaan (barang atau tunai) untuk kegunaan peribadi.
- ▶ Contoh: Ambilan barang, aset dan tunai syarikat.



Contoh Penyata Aliran Tunai (bagi tiga bulan)

XYZ Enterprise			
Penyata Aliran Tunai bagi tiga bulan berakhir 31 Mac 2016			
	Jan	Feb	Mac
	RM	RM	RM
Baki b/b	100,000	86,480	93,980
PENERIMAAN			
Jualan Tunai	80,000	80,000	90,000
Pinjaman	10,000	20,000	-
Jumlah Penerimaan	90,000	100,000	90,000
PEMBAYARAN			
Kos Jualan	70,000	80,000	95,000
Gaji	10,000	10,000	10,000
Perbelanjaan sewa	2,000	2,000	2,000
Faedah	1,520	500	500
Pembelian Aset	20,000	-	-
Jumlah Pembayaran	103,520	92,500	107,500
Lebihan/(kurangan)	(13,520)	7,500	(17,500)
Baki h/b	86,480	93,980	76,480

Baki b/b

- 
- ▶ Jumlah tunai atau simpanan yang dimiliki oleh sesebuah perniagaan dalam bank atau di tangan pada permulaan atau awal tempoh tertentu.
 - ▶ Contoh: Modal permulaan dan terbitan saham.

Penerimaan

- ▶ Jumlah pendapatan dan sumber wang yang diterima dalam sesuatu bulan tertentu.
- ▶ Contoh: Jualan tunai, pinjaman dan penerimaan daripada penghutang.






Pembayaran

- ▶ **Jumlah perbelanjaan dan sumber wang yang digunakan atau dibayar dalam sesuatu bulan tertentu.**
- ▶ **Contoh: Kos jualan, gaji, faedah dan sewa.**

Lebihan/(kurangan)

- ▶ **Lebihan berlaku apabila jumlah penerimaan melebihi jumlah pembayaran.**
- ▶ **Kurangan berlaku apabila jumlah pembayaran melebihi jumlah penerimaan.**



Baki h/b



- ▶ Jumlah keseluruhan tunai di tangan dan di bank pada akhir tempoh tertentu.
- ▶ Contoh: Baki h/b = (Baki b/b + jumlah penerimaan) - Jumlah perbelanjaan.

Belanjawan kos

- ▶ Usahawan yang terlibat dalam perniagaan pengeluaran produk akan menyediakan belanjawan kos.
- ▶ Belanjawan kos ialah satu rancangan perbelanjaan yang menunjukkan kos pengeluaran untuk tempoh tertentu.
- ▶ Secara amnya, kos yang terlibat terdiri daripada kos tetap dan kos berubah.





Kos Tetap

- ▶ Kos yang tidak berubah mengikut perubahan tingkat pengeluaran.
- ▶ Jumlah kos tetap adalah sentiasa sama walaupun pengeluaran bertambah atau berkurangan.
- ▶ Contohnya, sewa, insurans dan bayaran balik pinjaman.

Kos Berubah

- ▶ Kos yang berubah mengikut tingkat pengeluaran.
- ▶ Contohnya, kos bahan mentah, kos buruh langsung seperti upah, gaji dan duti atas bahan mentah.





PIHAK YANG BERKEPENTINGAN KEPADА PENYATA KEWANGAN SESEBUAH PERNIAGAAN



Pihak berkepentingan

- ▶ Pemegang saham/pemilik
- ▶ Pelabur
- ▶ Pihak pengurusan
- ▶ Pembekal/vendor

Pemegang saham/pemilik

- ▶ Pemegang saham/pemilik boleh mengetahui kedudukan kewangan perniagaan dan menentukan hala tuju perniagaan.
- ▶ Mengetahui keberuntungan perniagaan dan bakal pulangan yang akan diperoleh.



Pelabur

► Penyata kewangan yang baik dapat meyakinkan pelabur untuk melabur dalam perniagaan.



Pihak pengurusan



- ▶ Menilai prestasi perniagaan, membuat pertimbangan untuk pemberian ganjaran seperti bonus dan dividen, perbandingan prestasi kewangan antara tahun semasa dengan tahun sebelumnya, dan sebagai garis panduan untuk perancangan pengagihan sumber dengan berkesan.

Pembiaya/Institusi Kewangan

- ▶ Mengetahui kemampuan perniagaan membayar hutang dan kredit.



Pembekal/vendor



- ▶ Laporan kewangan digunakan untuk menilai keupayaan dan kecekapan dalam pengurusan hutang sebelum memberi kemudahan kredit atau memberikan pinjaman kepada perniagaan



MENGANALISIS KEPENTINGAN PENYATA 4.4 KEWANGAN TERHADAP OPERASI KEWANGAN SESEBUAH PERNIAGAAN

MENGANALISIS KEPENTINGAN PENYATA KEWANGAN TERHADAP OPERASI KEWANGAN SESEBUAH PERNIAGAAN

- ▶ Kemahiran menganalisis penyata kewangan penting bagi usahawan.
- ▶ Analisis yang dibuat terhadap penyata pendapatan dapat membantu usahawan mengukur prestasi perniagaan dan meningkatkan jumlah keuntungan.



MENGANALISIS KEPENTINGAN PENYATA KEWANGAN TERHADAP OPERASI KEWANGAN SESEBUAH PERNIAGAAN

- ▶ **Analisis bagi kunci kira-kira membantu usahawan mengetahui kedudukan aset dan liabiliti serta membuat penilaian perniagaan untuk perancangan masa hadapan.**
- ▶ **Selain itu, usahawan juga boleh menggunakan Titik Pulang Modal sebagai salah satu cara untuk membuat analisis terhadap operasi perniagaan.**



Analisis operasi
kewangan perniagaan
menggunakan:

- ▶ **Penyata Pendapatan**
- ▶ **Kunci Kira-Kira**




Penyata Pendapatan



- ▶ Mengukur prestasi perniagaan
- ▶ Meningkatkan jumlah keuntungan

Mengukur prestasi perniagaan

- ▶ Dalam penyata pendapatan perniagaan, maklumat keuntungan sesebuah perniagaan dapat diperoleh setelah hasil jualan ditolak dengan kos jualan.
- ▶ Prestasi perniagaan yang bertambah baik akan menunjukkan keuntungan perniagaan yang diperoleh semakin meningkat atau kerugian perniagaan dapat dikurangkan dari tahun ke tahun.






Usahawan boleh menggunakan penyata pendapatan untuk

- ▶ meramal pencapaian prestasi perniagaan pada masa hadapan.
- ▶ merancang strategi untuk meningkatkan jumlah keuntungan operasi dan mengawal jumlah perbelanjaan operasi.
- ▶ mengetahui kedudukan kewangan (kelebihan dan kekurangan) yang dihadapi oleh perniagaan dan tindakan terbaik yang perlu diambil oleh pihak pengurusan.
- ▶ menyediakan laporan kewangan bagi tujuan pinjaman dan pembiayaan.

Meningkatkan jumlah keuntungan

- ▶ Dalam meningkatkan jumlah keuntungan, pengurusan kewangan perlu diselaraskan mengikut keperluan belanjawan dan pengagihan kewangan secara sistematis.
- ▶ Keadaan ini dapat memastikan operasi perniagaan berjalan lancar serta membantu perniagaan mengurangkan kos pengeluaran dan memaksimumkan keuntungan.



Kunci Kira-Kira




- ▶ mengetahui kedudukan kewangan sesebuah perniagaan khususnya aset perniagaan yang terdiri daripada aset semasa dan aset bukan semasa.
- ▶ mengetahui jumlah tanggungan perniagaan seperti ekuiti pemilik, liabiliti semasa dan liabiliti bukan semasa.
- ▶ Mengetahui tanggungan atau hutang perniagaan kepada pihak luar.
- ▶ mengetahui komponen ekuiti pemilik menerusi modal yang disumbangkan atau untung bersih atau rugi bersih daripada kegiatan perniagaan.

Analisis operasi kewangan perniagaan menggunakan Titik Pulang Modal (TPM)

- ▶ **TPM adalah satu tahap kuantiti pengeluaran apabila jumlah hasil jualan sama dengan jumlah kos.**
- ▶ **TPM menunjukkan bahawa kuantiti pengeluaran tidak memberi sebarang untung atau rugi iaitu jumlah hasil hanya cukup untuk menampung jumlah kos.**
- ▶ **TPM menunjukkan tahap minimum jualan yang perlu diperoleh oleh perniagaan supaya tidak akan mengalami kerugian.**



TPM dapat ditentukan daripada graf



Rumusan Titik Pulang Modal



- ▶ **Jumlah pengeluaran yang kurang dari titik TPM akan menyebabkan perniagaan mengalami kerugian.**
- ▶ **Jumlah pengeluaran yang melebihi titik TPM akan menyebabkan perniagaan memperoleh keuntungan.**

MENTAFSIR PENYATA KEWANGAN MENGGUNAKAN NISBAH ASAS



MENTAFSIR PENYATA KEWANGAN MENGGUNAKAN NISBAH ASAS



- ▶ **Analisis Nisbah Untung**
- ▶ **Analisis Nisbah Kecairan**
- ▶ **Analisis Nisbah Kecekapan**

Analisis Nisbah Untung

- ▶ Peratusan margin untung kasar
- ▶ Peratusan Margin untung Bersih
- ▶ Peratusan Untung Tokokan
- ▶ Peratusan Pulangan Atas Modal



Peratusan margin untung kasar

- ▶ **Margin untung kasar mengukur keuntungan setiap ringgit jualan bersih.**
- ▶ **Semakin tinggi margin untung kasar, semakin baik kedudukan syarikat.**

Contoh: Syarikat A memperoleh untung kasar sebanyak RM473,247 manakala jualan bersih adalah RM567,320. Kirakan peratus margin untung kasar bagi syarikat A.

$$\begin{aligned}\text{Peratusan margin untung kasar} &= \frac{\text{Untung Kasar}}{\text{Jualan Bersih}} \times 100 \% \\ &= \frac{\text{RM473,247}}{\text{RM567,320}} \times 100 \% \\ &= 83.4\%\end{aligned}$$

Bagi setiap RM1 jualan bersih, untung kasar yang diperoleh ialah 83.4 sen.

Peratusan Margin untung Bersih

- ▶ **Margin untung bersih mengukur keuntungan setiap ringgit jualan bersih.**
- ▶ **Semakin tinggi margin keuntungan bersih, menunjukkan kecekapan pengurusan operasi.**

Contoh: Syarikat A memperoleh untung bersih sebanyak RM304,084 manakala jualan bersih adalah RM567,320. Kirakan peratus margin untung bersih bagi syarikat A?

$$\begin{aligned}\text{Peratusan margin untung bersih} &= \frac{\text{Untung Bersih}}{\text{Jualan Bersih}} \times 100 \% \\ &= \frac{\text{RM304,084}}{\text{RM567,320}} \times 100 \% \\ &= 53.6\%\end{aligned}$$

Bagi setiap ringgit jualan bersih, untung bersih yang diperoleh ialah 53.6 sen.

Peratusan Untung Tokokan

► Peratusan menunjukkan keberkesanan perniagaan mengawal harga jualan dan kos untuk memaksimumkan keuntungan.

Contoh: Syarikat A memperoleh untung kasar sebanyak RM141,800 manakala kos jualannya adalah RM567,320. Kirakan peratusan untung tokokan bagi Syarikat A.

$$\begin{aligned}\text{Peratusan} \quad &= \frac{\text{Untung Kasar}}{\text{Kos jualan}} \times 100\% \\ &= \frac{\text{RM141,800}}{\text{RM567,320}} \times 100\% \\ &= 25.0\%\end{aligned}$$

Harga jualan barang niaga diperoleh dengan menambahkan 25% pada kosnya.

Peratusan Pulangan Atas Modal

- ▶ Peratusan Pulangan Atas Modal

Contoh: Syarikat A memperoleh untung bersih operasi sebanyak RM304,082 manakala modal awal adalah RM1,353,807. Kirakan peratus pulangan atas aset bagi Syarikat A.

$$\begin{aligned}\text{Peratusan pulangan atas modal} &= \frac{\text{Untung bersih}}{\text{Modal Awal}} \times 100 \% \\ &= \frac{\text{RM304,082}}{\text{RM1,353,807}} \times 100 \% \\ &= 22.46\%\end{aligned}$$

Bagi setiap RM1 modal yang dilaburkan, untung bersih yang diperoleh ialah 22.46 sen.



Analisis Nisbah Kecairan

- ▶ Kecairan merujuk kepada keupayaan aset dengan mudah dalam bentuk tunai tanpa menjelaskan nilai aset.
- ▶ Nisbah kecairan merujuk kepada keupayaan syarikat untuk menukarkan ke dalam bentuk tunai untuk tempoh yang singkat.
- ▶ Kedudukan kecairan yang tinggi menunjukkan perniagaan mampu mendapatkan tunai untuk membayar hutang dalam tempoh yang singkat.

Nisbah Semasa

- ▶ **Nisbah semasa mengukur kemampuan syarikat untuk membayar pinjaman jangka pendek dengan menggunakan aset semasa.**

Contoh: Syarikat A mempunyai aset semasa sebanyak RM697,237 manakala liabiliti semasanya ialah RM57,400. Oleh itu nisbah semasa bagi Syarikat A ialah:

$$\begin{aligned}\text{Nisbah semasa} &= \frac{\text{Aset Semasa}}{\text{Liabiliti Semasa}} \\ &= \frac{\text{RM697,237}}{\text{RM57,400}} \\ &= 12.1 : 1\end{aligned}$$


Setiap RM1 liabiliti semasa, perniagaan mempunyai aset semasa sebanyak RM12.1 untuk menjelaskannya.

Analisis Nisbah Kecekapan



- ▶ **Nisbah kecekapan ialah nisbah yang menentukan kecekapan pihak pengurusan perniagaan mengendalikan stok untuk menjana keuntungan.**
- ▶ **Analisis nisbah kecekapan terdiri daripada pusing ganti stok dan pusing ganti aset.**

Nisbah
kecekapan
pengurusan
aset bagi
perniagaan.



Contoh: Syarikat A mempunyai kos jualan barang sebanyak RM693,070 manakala stoknya adalah RM278,334. Kirakan nisbah Pusing Ganti Stok bagi Syarikat A.

$$\begin{aligned}\text{Pusing ganti stok} &= \frac{\text{Kos Jualan Barang}}{\text{Stok Purata}} \\ &= \frac{\text{RM693,070}}{\text{RM278,334}} \\ &= 2.49 \text{ kali}\end{aligned}$$

Kadar pusing ganti stok menunjukkan perniagaan telah menggantikan atau membeli stok baharu sebanyak 2.49 kali dalam suatu tempoh perakaunan.

Pusing Ganti Stok

- ▶ **Kadar pusing ganti stok menunjukkan hubungan antara kos jualan dengan stok purata.**
- ▶ **Nisbah ini berfungsi menggambarkan kekerapan pusingan stok dalam setahun. Selain itu, kadar pusing ganti stok dapat juga mengukur keupayaan firma menjual barangannya dalam tempoh tertentu.**

Pusing Ganti Aset

- ▶ **Pusing ganti aset menunjukkan kecekapan perniagaan dalam menggunakan aset untuk menjana jualan.**
- ▶ **Nisbah yang semakin tinggi adalah lebih baik kerana menunjukkan kecekapan pengurusan aset.**

Contoh: Syarikat A mempunyai jualan bersih sebanyak RM567,320 manakala jumlah asetnya adalah RM713,970. Kirakan nisbah Pusing Ganti Aset bagi Syarikat A.

$$\begin{aligned} \text{Pusing ganti aset} &= \frac{\text{Jualan Bersih}}{\text{Jumlah Aset}} \\ &= \frac{\text{RM567,320}}{\text{RM713,970}} \\ &= 0.79 \text{ kali} \end{aligned}$$

Kadar pusing ganti aset menunjukkan perniagaan telah menunjukkan kecekapan dalam menguruskan aset sebanyak 0.79 kali dalam suatu tempoh perakaunan.

JUSTIFIKASI KEDUDUKAN KEWANGAN SESEBUAH PERNIAGAAN BERDASARKAN PENYATA KEWANGAN



contoh perniagaan berasaskan produk.

MUSIDAH JATI ENTERPRISE
LEBIH KUALITI, LEBIH MURAH.

PROFIL MUSIDAH JATI ENTERPRISE

MUSIDAH JATI ENTERPRISE memulakan perniagaan perabot pada tahun 2001. Perniagaan ini beroperasi di kawasan Taman Perindustrian Puchong dengan tiga orang pekerja untuk membekalkan perabot bagi penduduk setempat. Berdasarkan permintaan yang tinggi, perniagaan mempelbagaikan produk dan meluaskan pasaran, MUSIDAH JATI ENTERPRISE berjaya meluaskan pasaran ke seluruh Malaysia.

Jenis Nisbah	2015	2016
a) Nisbah Kecairan		
i. Nisbah Semasa	1.97 kali	2.05 kali
b) Nisbah Kecekapan		
i. Pusing Ganti Stok	7.11 kali	6.6 kali
ii. Pusing Ganti Aset	1.29 kali	1.35 kali
c) Nisbah Untung		
i. Peratusan Margin Untung Kasar	32.1%	30.0%
ii. Peratusan Margin Untung Bersih	7.5%	6.4%
iii. Peratusan Pulangan atas Modal	6.42%	4.8%
iv. Peratusan Untung Tokokan	13.6%	10.0%

Peratusan margin untung kasar

Peratusan margin untung kasar menunjukkan penurunan dari 32.1% pada tahun 2015 kepada 30.0% pada tahun 2016. Keadaan ini menunjukkan untung kasar perniagaan semakin berkurangan dan kedudukan kewangan perniagaan kurang baik.

Analisis Nisbah Untung

Peratusan margin untung bersih

Peratusan margin untung bersih menunjukkan penurunan dari 7.5% pada tahun 2015 kepada 6.4% pada tahun 2016. Keadaan ini menunjukkan nilai untung bersih perniagaan semakin berkurangan. Perniagaan kurang cekap dalam pengurusan operasi sehingga untung bersih perniagaan berkurang.

Analisis Nisbah Untung

Peratusan pulangan atas modal

Peratus pulangan atas modal menunjukkan penurunan dari 6.42% pada tahun 2015 kepada 4.8% pada tahun 2016. Keadaan ini menunjukkan perniagaan kurang cekap dalam membuat pelaburan perniagaan.

Analisis Nisbah Untung

Peratusan untung tokokan

Peratus peratusan untung tokokan menunjukkan penurunan dari 13.6% pada tahun 2015 kepada 10.0% pada tahun 2016. Keadaan ini menunjukkan perniagaan tidak beroperasi dengan cekap dan berkesan. Perniagaan kurang cekap mengawal harga jualan dan kos jualan untuk menjana keuntungan perniagaan.

Analisis Nisbah Untung



Nisbah semasa

Nisbah semasa bagi perniagaan menunjukkan peningkatan dari 1.97 kali pada tahun 2015 kepada 2.05 kali pada tahun 2016. Keadaan ini menunjukan perniagaan mampu membayar hutang jangka pendek (liabiliti semasa) dengan cepat.

Analisis Nisbah Kecairan

Nisbah pusing ganti stok

Nisbah pusing ganti stok menunjukkan penurunan dari 7.11 kali pada tahun 2015 kepada 6.6 kali pada tahun 2016. Keadaan ini menunjukkan perniagaan mempunyai masalah stok tidak laku atau terjual. Perniagaan terpaksa menanggung kos pemegangan, kos penyimpanan, dan kos keusangan stok yang tinggi. Keadaan ini menyebabkan modal firma akan terikat pada stok yang tidak terjual.

Analisis Nisbah Kecekapan

Nisbah pusing ganti aset

Nisbah pusing ganti aset menunjukkan peningkatan dari 1.29 kali pada tahun 2015 kepada 1.35 kali pada tahun 2016. Keadaan ini menunjukkan perniagaan cekap dalam menguruskan asetnya untuk menjana jualan.

Analisis Nisbah Kecekapan

TAMAT

